

Prosedur Penggubalan “Cloze Test” Secara Atas Talian

Muhammad Haron Husaini Abdul Razif Zaini Khairil Asbraf Elias

Khairatul Akmar Ab Latif Adnan Mat Ali

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

Email: muhdharon@kuis.edu.my

ABSTRAK

Dalam pembelajaran bahasa, teks merupakan elemen utama dan sangat penting. Ia bertindak sebagai agen pembekal maklumat dan informasi yang menyokong perkembangan dan kemahiran bahasa seseorang. Bagi membolehkan seseorang teks berperanan secara optimum, aspek kebolehbacaan perlu menjadi perhatian sebelum ia dipersembahkan kepada kelompok sasaran. Bagi tujuan tersebut, “cloze test” atau ujian klotz merupakan salah satu mekanisme yang mampu memberikan kemudahan kepada penggubal dalam menentukan tahap kebolehbacaan teks dan kesesuaiannya. Namun, keperluan semasa menuntut pengkaji mereka dan membangun sistem “cloze test” secara atas talian. Justeru, kertas kerja ini bermatlamat memperkenalkan prosedur penggunaan sistem tersebut yang akan dihasilkan sendiri oleh pengkaji dan rakan-rakan. Penyusunan kertas kerja ini menggunakan metod deskriptif manakala metod prototyping pula diguna dalam pembangunan sistem. Kajian mendapati penggubalan “Cloze Test” secara atas talian memerlukan penentuan beberapa elemen penting seperti saiz teks, nisbah perkataan, golongan sasaran dan bentuk jawapan. Sistem ini dijangka dapat menghasilkan alat pengukur tahap kebolehbacaan teks Arab secara atas talian sebagai alternatif kepada ujian-ujian penentu kebolehbacaan teks konvensional.

PENDAHULUAN

Pengukuran tahap kebolehbacaan teks menerusi cloze test diasaskan oleh sarjana Jerman Ebbinghaus pada 1897 (Zamri et al, 2013). Ia kemudiannya digunakan secara meluas oleh W.L Taylor bagi tujuan kajian pengukuran tahap kebolehbacaan teks (Jenkins, 1996). Cloze Test didefinisikan sebagai satu bentuk ujian mengisi tempat kosong (Aisyah & Kamarulzaman, 2013; Zulazhan et al, 2011). Ia dilakukan dengan mengeluarkan beberapa perkataan dalam petikan mengikut nisbah tertentu dengan tujuan memberi peluang kepada pelajar untuk membuat tekaan bagi mengisi tempat kosong tersebut berasaskan isyarat-isyarat yang mampu diperolehi menerusi konteks (Jenkins, 1996; Bullock, 1975 dalam Rye, 1982). Ujian ini dianggap sebagai satu cara yang berkesan serta berciri *objectivity* bagi tujuan pengukuran tahap kebolehbacaan teks (Harison, 1980; Moyle, 1971) selain mampu menentukan latar belakang pembaca (Zamri et al. 2013).

DEFINISI CLOZE TEST DAN TUJUAN PEMBINAANNYA

Cloze Test ialah satu bentuk ujian mengisi tempat kosong. Laporan Bullock pada tahun 1975 telah mendefinisikan cloze test sebagai *'the use of a piece of writing in which certain words have been deleted and the pupil has to make maximum possible use of context available in predicting the missing words'*. Cloze tes menggugurkan beberapa perkataan dalam petikan yang diuji dan mereka yang mengambil ujian dikehendaki mengisi tempat kosong berkenaan berpandukan kepada konteks ayat. Teknik ini telah diasaskan oleh seorang sarjana Jerman yang bernama Ebbinghaus pada tahun 1897 dan dinamakan *Ebbinghaus Sentence Completion Method*. Ia menjadi popular apabila Wilson Taylor memperkenalkannya pada tahun 1953 (Zulazhan, Zamri & Kaseh, 2009).

Cloze Test dibina berasaskan satu prinsip dalam teori pemprosesan maklumat dan psikologi Gestalt yang dinamakan *closure*. Prinsip ini dibentuk berasaskan kecenderungan manusia membentuk satu makna keseluruhan yang sempurna dengan mengisi kekosongan yang terdapat dalam sesuatu struktur (Zulazhan, Zamri & Kaseh, 2009). Dalam konteks bahasa, prinsip ini diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang dilakukan oleh seseorang untuk menyempurnakan sesuatu ayat yang tidak lengkap dengan meneka perkataan-perkataan yang diperlukan bagi penghasilan makna yang diinginkan (lihat Taylor, 1953; Gilliland, 1972; Nuraini, 1984; De Santi, 1986).

Dalam konteks bahasa Arab, Rusydi Ahmad Tu'aymah sarjana terkemuka dalam bidang pengajaran bahasa ini telah menyarankan penggunaan cloze test pada tahun 1984 (Tu'aymah 1984). Penggunaan cloze test dilaporkan sering mendapat perhatian disebabkan oleh ketiadaan kaedah lain yang dibina khusus bagi tujuan tersebut. Ia dianggap sebagai alternatif yang baik dalam menentukan samada sesuatu teks itu bersesuaian atau tidak untuk golongan yang disasarkan (Aisyah & Kamarulzaman, 2013). Selain dari itu, cloze test juga dilaporkan mempunyai tahap korelasi yang tinggi dengan alat-alat pengukuran kebolehbacaan yang lain (Carrol et al, 1959; Alderson, 2000; Jenkins, 1996) dan dengan tahap kebolehbacaan itu sendiri (Zulazhan, Zamri & Kaseh, 2009). cloze test tidak sempurna, namun ia sangat berguna dalam aspek pengukuran tahap penguasaan kata, morfologi, sintaksis dan fonologi (Jenkins, 1996).


Kajian secara khusus dalam bidang penentuan tahap kebolehbacaan teks Arab bermula sekitar akhir tahun 1970-an (Tu'aymah, 1985). Sehingga kini, belum dapat ditentukan satu alat yang standard digunakan untuk tujuan tersebut (lihat Zulazhan et al, 2011; Momaniy dan al-Momaniy, 2011; al-Huwaity, 2010; Muhammad Haron et al, 2013; Muhammad Haron, 2012). Namun, kajian-kajian yang telah dijalankan ini membekalkan maklumat yang sangat penting bagi pembangunan cloze test yang benar-benar mampu menilai tahap kebolehbacaan teks, khususnya teks Arab. Bahkan, cloze test dilaporkan sesuai untuk ditadbir dalam konteks pembelajaran bahasa Arab seperti bahasa-bahasa lain (Hofman & Habih-Allah, 1982).

Penentuan tahap boleh bacaan teks sememangnya merupakan satu aspek penting dalam proses PdP bahasa Arab. Bagi mendapatkan hasil kefahaman terhadap teks bahasa Arab secara optimum, teks yang dipersembahkan kepada pelajar perlu hadir dalam bentuk yang sesuai. Kesesuaian yang dimaksudkan merujuk kepada padanan di antara bahan bacaan dan kemampuan pelajar. Penentuan kesesuaian bahan bacaan bahasa Arab merupakan proses awal yang tidak seharusnya diabaikan. Pengabaian terhadap aspek ini bakal menjejaskan proses pembelajaran, sekaligus memberi kesan kepada pemahaman pelajar serta minat mereka untuk terus mengeksplorasi teks yang dibaca (Zamri et al. 2013). Beberapa kajian yang dijalankan dalam bidang ini menemukan pengkaji dengan isu-isu ketidaksesuaian bahan bacaan dengan golongan sasaran di pelbagai peringkat, samada dalam mahupun luar negara (lihat Muhammad Haron et al, 2013; Muhammad Haron, 2012; Zulazhan et al, 2011; Momaniy dan al-Momaniy, 2011; al-Huwaity, 2010; Kamarulzaman et al. 2008). Perkara ini menimbulkan beberapa persoalan sama ada tahap kesesuaian teks tidak diukur sebelum bahan bacaan terbabit dipilih untuk dijadikan bahan pengajaran bagi golongan sasaran yang ditentukan.

ATR-MT CLOZE TEST SECARA ATAS TALIAN DAN PENGGUNAANNYA

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memperkenalkan pembangunan sebuah sistem penggubalan dan penilaian teks yang digunapakai dalam PdP bahasa Arab. Sistem ini dinamakan *ArabicText Readability Measurement Tool* (ATR-MT). Pembangunan kandungan sistem ini

telah memberikan penekanan terhadap beberapa aspek yang disarankan oleh para sarjana. Dari sudut bahan bacaan, dua faktor penting diberikan perhatian adalah faktor linguistik (konseptual) dan faktor reka bentuk. Faktor linguistik melibatkan beberapa sub topik seperti pemilihan kata, sintaksis, kedalaman kandungan serta konsep (Zamri et al, 2013), kepanjangan teks, nisbah perkataan yang dipotong, golongan sasaran dan bentuk jawapan (Tu'aymah, 1985). Manakala dari aspek reka bentuk, perkara penting yang perlu diberikan perhatian adalah organisasi teks, warna, ilustrasi, grafik dan sebagainya (Zamri et al,2013).



Rajah 1: Carta Alir “Cloze Test” Secara Atas Talian (ATR-MT)

Rajah 1 menunjukkan kerangka sistem pembangunan cloze test secara atas talian yang akan dibangunkan. Penggubalan cloze test menerusi prototaip ATR-MT melalui proses-proses berikut:

1) **Skrin Pembukaan**

Skrin pembukaan merupakan skrin yang pertama sekali muncul apabila pengguna ingin memulakan penggubalan teks untuk dinilai. Skrin ini memaparkan pengenalan ringkas cloze test secara atas talian. Skrin ini membolehkan pengguna melakukan pendaftaran dan log-in.



MainPage



Paparannya 1: Skrin Pembukaan

2) Skrin Pendaftaran dan Log-in


Pengguna perlu memasukkan alamat emel serta katalaluan bagi tujuan pendaftaran dan log-in ke dalam sistem. ATR-MT akan merekodkan input yang dimasukkan oleh pengguna bagi tujuan pendaftaran sebagai pengguna yang sah.

Paparannya 2: Skrin Pendaftaran



Paparannya 3: Skrin Maklum Balas

(on successful login will appear a message informing the user successfully logged in, else it won't appear)



Paparan 4: Skrin Profil Pengguna



Paparan 5: Perubahan kata laluan

3) Proses Memasukkan Teks



Paparan 6: Penentuan Teks Pilihan

Saiz atau kepanjangan teks merupakan aspek yang sangat penting dalam proses pembinaan cloze test. Umumnya, semakin panjang sesuatu teks, maka semakin tinggi kebolehpercayaan dan kesahan ujian ini. Walau bagaimanapun, dalam konteks pembelajaran bahasa bagi penutur bukan Arab, saiz teks seharusnya tidak terlalu panjang (Tu'aymah, 1985). Beberapa kajian yang dijalankan mencadangkan 250 hingga 500 perkataan (Oller dalam Jenkins, 1996), 350 hingga 500 perkataan (Tu'aymah, 1985) dan ini memberikan isyarat bahawa sesuatu teks itu tidak seharusnya kurang daripada 250 patah perkataan (Klare et.al, 1969; Rye, 1982 & Marohaini, 1999).

4) Penyaringan Ayat


Penyaringan ayat merupakan proses penting dalam pembinaan cloze test selain faktor perkataan (Zulazhan et. al, 2009). Proses ini dilaksanakan bagi memastikan setiap perkataan yang dipilih sebagai item ujian benar-benar dapat menjamin kesahan kandungan yang hendak diuji kerana bukan semua perkataan dalam teks sesuai dijadikan item ujian. Bagi membolehkan perkara ini dilaksanakan, penyaringan ayat dan perkataan perlu dilakukan bagi mendapatkan keputusan yang terbaik (Kurtasov,2013).

Di antara pertimbangan yang perlu diberikan perhatian dalam saringan adalah pengecualian tajuk, ayat pertama petikan, ayat akhir petikan, ayat al-Quran, Hadis, syair dan sebagainya. Tajuk petikan, ayat pertama dan terakhir dikecualikan daripada pemotongan. Ia dilakukan bagi membolehkan kefahaman kepada teks secara keseluruhannya tidak terganggu (Marohaini, 1999). Ayat-ayat al-Quran, Hadis dan puisi juga dikecualikan daripada pemotongan kerana ia tidak seharusnya dilakukan (al-Naji,t.th).

Penyaringan ayat dilakukan agar proses pembinaan item pada peringkat seterusnya dapat dilakukan dengan baik. Prosedur ini dapat membantu penggubal mengurangkan item yang kurang mempunyai impak dalam pengukuran (Kurtasov,2013).



Paparan 7: Penyaringan Ayat



5) Pemotongan Kata

Dalam cloze test, kepanjangan teks sangat memberi kesan kepada aspek pemotongan kata. Secara logikal, semakin panjang sesuatu teks, maka semakin jauh jarak di antara satu item dengan item yang lain. Secara umumnya, pemotongan perkataan sebagai item ujian boleh dilakukan dengan beberapa cara antaranya, pemotongan berasaskan nisbah tetap dan pemotongan berasaskan rasional (Jenkins,1996).

Kaedah pemotongan secara nisbah tetap juga sangat berkait rapat dengan kepanjangan teks. Umumnya, bagi teks bersaiz tidak kurang daripada 250 perkataan, nisbah 1:5 adalah nisbah yang relevan (Tu 'ymah, 1985). Tujuannya adalah supaya jumlah 50 item kloz iaitu tempat-tempat yang dikosongkan dapat dikeluarkan oleh penggubal seperti dicadangkan. Tu'aymah (1978) mencadangkan 30 item adalah jumlah minimum yang relevan khususnya untuk pelajar menengah. Nisbah 1:5 adalah nisbah yang lazim digunakan manakala nisbah 1:7 dan nisbah 1:10 disarankan untuk peringkat pertengahan dan tinggi dengan saiz teks yang lebih panjang (Marohaini 1999).



Paparan 8: Pemotongan Perkataan

6) Pembinaan Item dan Pilihan Jawapan

Setelah saringan dan pemotongan dilakukan, proses seterusnya adalah pembinaan item. Pembinaan item ujian dan jawapan mengikut teori cloze test boleh dipertimbangkan dua bentuk utama, samada dengan mengisi tempat kosong atau aneka pilihan dengan dua atau tiga gangguan (*distractors*).

Dalam kata lain, terdapat dua bentuk jawapan yang boleh digunakan dalam cloze test iaitu jawapan bebas dan jawapan aneka pilihan (Tu'aymah, 1985). Jawapan bebas merujuk kepada cloze test yang memerlukan pelajar membekalkan jawapan, manakala jawapan aneka pilihan pula merujuk kepada cloze test yang membekalkan cadangan jawapan bagi ruangan kosong yang ditentukan. Bagi jawapan aneka pilihan, 3 pengganggu dicadangkan oleh Kamarulzaman (2010) manakala Guthrie(1973) berpendapat 2 pengganggu juga sesuai dan memadai. Kedua-duanya mempunyai justifikasi khusus bagi tujuan pengukuran (Tu'aymah, 1985; Zulazhan, Zamri & Kaseh, 2009).

ATR-MT secara atas talian yang akan dibangunkan oleh pengkaji memilih bentuk jawapan yang disediakan dalam bentuk aneka pilihan. Bentuk ini memerlukan tiga pilihan jawapan selepas setiap perkataan yang dikosongkan. Pemilihan bentuk aneka pilihan sejajar dengan pandangan beberapa pengkajilain yang lebih cenderung kepada bentuk ini jika cloze test disediakan untuk responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu (Zulazhan 2009:306).

Pada ruang perkataan-perkataan yang telah dibuang akan digantikan dengan satu garisan panjang dengan ukuran yang sama supaya ia tidak menjadi petanda kepada pelajar terhadap

jenis perkataan yang telah dibuang serta tidak mempengaruhi jawapan pelajar. Pada setiap ruang kosong yang bergaris itu pula disertai nombor mengikut urutan bagi kegunaan semasa penyemakan.



Paparan 9: Pembinaan Item Soalan dan Jawapan

7) Hasil Penggubalan Cloze Test (*Cloze Test Output*)



Paparan 10: Hasil Penggubalan cloze test

KESIMPULAN

Penentuan tahap kebolehbacaan terhadap sesuatu teks merupakan perkara asas yang perlu dilaksanakan sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bahasa dijalankan. Ia perlu memastikan bahan bacaan yang dipersembahkan kepada pelajar mampu difahami dan memberi manfaat kepada mereka. Ini memberi isyarat bahawa penentuan tahap kebolehbacaan teks mempunyai keutamaan

dan kepentingan dalam menjamin kelancaran proses PdP bahasa Arab. Penggunaan cloze test dikenal pasti sebagai salah satu alat yang mampu dimanfaatkan bagi tujuan penentuan tahap kebolehbacaan teks. Ia mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, khususnya bagi tujuan yang dinyatakan. Antara elemen yang perlu ditekankan dalam pembinaan cloze test ialah saiz teks, nisbah perkataan, golongan sasaran dan bentuk jawapan.

Pembangunan ATR-MT secara atas talian diharap dapat menghasilkan sistem pengukuran tahap kebolehbacaan teks Arab sebagai alternatif kepada ujian-ujian penentu kebolehbacaan teks konvensional. Pembinaan sistem ini diakui masih di peringkat awal dan penambahkannya amat diperlukan. Terdapat beberapa saranan yang dicadangkan untuk kajian akan datang, antaranya ialah pembinaan sistem sokongan bagi pengiraan markah secara atas talian dan penarafan teks berasaskan kriteria.

RUJUKAN

- Aisyah Sjahrony & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2013. Kebolehbacaan Bahan Pengajaran Bahasa Arab. Prosiding 3rd International Conference On Islamic Education 2013.
- Al-Huwaithy, Sahr Salim. 2010. Mustawa Maqrū'iyat Kitab al-Tarikh Li al-Saff al-Sadisa- 'Asasi Fi Muhafazat Ghazzat wa 'Alaqtuha Bi Ba'di al-Mutaghayyirat. Tesis Master. Al-Jamiah al-Islamiyyah, Ghazzah.
- Al-Naji, Hasan. t.th. Mustawa Maqrū'iyah wa Darajah Ishrakiyyah Kitab al-Lughah al-Arabiyyah li al-Saff al-Sadis al-Ibtida'i fi al-Imarat al-Arabiyyah al-Muttahidah.
- Carroll, John B., Arron S. Carten, and Claudia P. Wilds. An Investigation of Cloze Items in the Measurement of Achievement in Foreign Languages. Cambridge, MA: Laboratory for Research in Instruction Graduate, School of Education, Harvard University, 1959. Print.
- De Santi. R.J. 1986. The De Santi cloze reading inventory. Boston. Allyn and Bacon, Inc.
- Gilliland, J. 1972. Readability. London: University of London Press Ltd.
- Guthrie, J. 1973. Reading Comprehension and Syntactic Responses in Good and Poor Readers. *Journal of Educational Psychology*, 65:294-299.
- Harrison, C. 1980. Readability in the classroom. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hofman, John. E, & Habib-Allah, Mohammed, 1982. The Cloze Test in Arabic: Word or Semantic Unit. *Journal of Psycholinguistic Research*, Vol 4, No. 11, hal:275.
- Jenkins, Steven L, "Development of parallel cloze tests using cohesion" (1996). *Retrospective Theses and Dissertations*. Paper 275. <http://lib.dr.iastate.edu/rtd/275>
- Kamarulzaman Abdul Ghani. 2010. Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Dr. Falsafah Pendidikan, Universiti Malaya.
- Klare, G.R. 1969. The Measurement of Readability, Ed. Ke-3. Iowa: Iowa State University Press.
- Kurtasov, Andrey. 2013. A System for Generating Cloze Test Items From Russian-Language Text. In *Proceeding of The Student Research Workshop associated with The 9th International Conference RANLP 2013*. P. 107-112. — Hissar, Bulgaria, 2013.
- Marohaini Yusoff. 1999. Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman. Kuala Lumpur. DBP.
- Momaniy, Abd al-Latif abd al-Karim & al-Momaniy, Muhammad Majali. 2011. Mustawa Maqrū'iyat Kitab al-Lughat al-'Arabiyyat Li al-Saff al-Rabi' al-'Asasiy Fi al-Urdun. *Majallat Jami'at Dimasyq*. Jil.27, Bil.3-4.2011
- Moyle, D. 1971. Readability: The Use of Cloze Procedure. Dalam Merritt, J. (Ed). *Reading and The Curriculum*. WardLock.
- Muhammad Haron Husaini. 2012. Maqrū'iyat Kitab al-Lughat al-'Arabiyyat Fi al-Kulliyyat al-Jami'iyat al-Islamiyyat al-'Alamiyyat Bi Salanjur.

- Muhammad Haron Husaini, Muhd Syukri Abd. Rahman, Ahmad Redzaudin Ghazali & Norhidayati Abdullah. 2013. Tahap Kebolehbacaan Buku al-Mursyid Fi al-Lughah al-Arabiah 1. Prosiding 3rd International Conference On Islamic Education 2013.
- Nuraini Yusof. 1984. Kesan prosedur klot dalam kefahaman membaca terhadap murid tingkatan empat di sebuah sekolah menengah Kelang. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rye, J. 1982. Cloze procedure and the teaching of reading. London: Heinemann Educational Books.
- Taylor, W. 1953. Cloze procedure: a new tool for measuring readability. *Journalism Quarterly* 30:414-443
- Tu'aymah, R.A. & Thu'aybi, M.A. 2006. Ta'lim al-Qira'at wa al-'Adab: 'Istiqrā'iyat Mukhtalifāt li Jumhur Mutanawwi'. Kaherah: Dar al-Fikral-'Arabi.
- Tu'aymah R.A. 1978. The Use of Cloze to Measure the Proficiency of Student of Arabic As a Second Language in some Universities in the United States. Ph.D Thesis. University of Minnesota: Dissertation Abstract International.
- Tu'aymah, R.A. 1985. Dalil 'amalfi' I'dadal - Mawaddal - Ta'limiyyat li Baramij Ta'limal - 'Arabiyyat. Makkah al-Mukarramah: Universiti Ummal-Qura.
- Zulazhan Ab. Halim, Zamri Arifin, Kaseh Abu Bakar. 2009. Ujian Klot dan Hubungannya Dengan Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab. *Nadwah Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Kedua*. UPM 10-11 Oktober 2009.
- Zulazhan Ab. Halim, Zamri Arifin, Kaseh Abu Bakar & Abdul Wahid Salih. 2011. 'Ikhtibāral- Tatimmat WaMaqrū'iyat Kitāb al-Balāghat Fi Malizia. Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011 (SAPBA 2011).
- Zamri Arifin, Zulazhan Ab. Halim, Nurul Masyitah Mohd Sham & Azimah Shurfa Mohammed Shukry. 2013. The Readability of The Prose Text. *Middle-East Journal of Scientific Research* 17 (3):338-343.